

PERISYTIHARAN JUALAN

DALAM PERKARA MENGENAI PERJANJIAN JUALAN HARTANAH, PERJANJIAN BELIAN
HARTANAH DAN SURATIKATAN PENYERAHANHAK (SECARA SEKURITI) KESEMUANYA
BERTARIKH 13HB NOVEMBER, 2021

ANTARA

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

(dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia)

PEMEGANG SERAHHAK/PEMBIAYA

DAN

MUHAMMAD DANIEL SYAFIQ BIN MOHD POZI (NO. K/P/NO TENTERA: 991002-14-5087/T1204399) PENYERAHHAK / PELANGGAN

Dalam menjalankan hak dan kuasa yang telah diberikan kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya di bawah Perjanjian Jualan Hartanah, Perjanjian Belian Hartanah Dan Suratikatan Penyerahanhak (Secara Sekuriti) Kesemuanya Bertarikh 13hb November, 2021 di antara Pemegang Serahhak/Pembiaya dan Penyerahhak/Pelanggan dan berkenaan Perjanjian Jual Beli dimasukkan antara Taraf Nusantara Sdn Bhd (Pihak Penjual), Blossom Eastland Sdn Bhd (Tuan Punya) dan Penyerahhak/Pelanggan yang bertarikh 17hb Ogos, 2021 selepas ini dirujuk sebagai ('Dokumen Sekuriti') adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pemegang Serahhak/Pembiaya tersebut dengan bantuan Pelelong yang tersebut di bawah

AKAN MENJUAL HARTANAH YANG DIHURAikan DI BAWAH SECARA LELONGAN AWAM

PADA 19HB OGOS, 2023, BERSAMAAN HARI SABTU,
JAM 9.00 PAGI,LELONGAN SECARA ATAS TALIAN
DI WEBSITE WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM

&

Bakal pembeli boleh membuat tawaran atas talian ("online") melalui laman web di www.ehsanauctioneers.com
(Sila buat pendaftaran sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh lelongan untuk tujuan pendaftaran dan pengesahan)
Bakal pembeli adalah selanjutnya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di www.ehsanauctioneers.com

NOTA : Bakal-bakal penawar adalah dinasihatkan agar (i) memeriksa harta tersebut (ii) meminta nasihat dari Pihak Guaman mengenai Syarat-Syarat Jualan (iii) membuat carian hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan/atau lain-lain Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan (iv) serta membuat pertanyaan dengan pihak-pihak lain yang berkenaan termasuk Pemaju sebelum jualan lelong (v) bahawa Harga Belian dan wang lain yang kena dibayar berkaitan dengan lelongan awam ke atas Hartanah tersebut adalah tidak termasuk apa-apa cukai-cukai Kerajaan yang dikenakan ke atas pembayaran tersebut termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan yang mesti dibayar oleh penawar yang berjaya.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

Hakmilik strata untuk subjek hartanah masih belum dikeluarkan.

NO. HAKMILIK INDUK/ NO. LOT	:	HSD 166185, Lot PT 54456, Mukim Sitiawan, Daerah Manjung, Negeri Perak
KELUASAN TANAH	:	121.00 meter persegi (1,302 kaki persegi)
KELUASAN LANTAI	:	118.92 meter persegi (1,280 kaki persegi)
PEGANGAN	:	Selama-lamanya
PENJUAL / PEMAJU	:	Taraf Nusantara Sdn Bhd (201401039828/1115974-K)
TUAN PUNYA	:	Blossom Eastland Sdn Bhd (200801034471/835809-T)
BEBANAN	:	Serahhak kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia)
KATEGORI KEGUNAAN TANAH	:	Bangunan
SYARAT NYATA	:	Kediaman-Rumah Teres (Mampu Milik)
SEKATAN KEPENTINGAN	:	Tanah ini hanya boleh dipindahmilik atau dipajak dengan kebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri.
NOTA	:	Tanah simpanan melayu

LOKASI DAN PERIHAIH HARTANAH:

Hartanah tersebut adalah sebuah rumah teres satu tingkat unit tengah yang dikenali sebagai Petak Pemaju No. Plot 8544, rumah teres satu tingkat, Bandar Baru Setia Awan Perdana, Fasa 3A bearing yang beralamat pos di No. 244, Jalan Residen 3/6, Residen 3, Bandar Baru Setia Awan Perdana, 32000 Sitiawan, Perak.

HARGA RIZAB:

Hartanah tersebut akan dijual dalam "keadaan sepertimana sedia ada" dan tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak RM180,000.00 (RINGGIT MALAYSIA SATU RATUS LAPAN PULUH RIBU SAHAJA) dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan dengan cara Penyerahhakan dari Pemegang Serahhak / Pemberi Pinjaman dan tertakluk kepada Pembeli memperoleh kelulusan untuk pindahmilik daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan, sekiranya ada termasuk semua terma, syarat-syarat, stipulasi, waad di mana mungkin yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa. Tertakluk kepada Syarat-Syarat Jualan, segala tunggakan cukai tanah, cukai taksiran dan caj perkhidmatan/penyenggaraan sahaja yang mungkin dikenakan oleh Pemaju atau Pihak Berkuasa yang berkenaan setakat tarikh lelong/jualan akan dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pindahmilik hendaklah ditanggung oleh Pembeli.

Penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit 10% daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ('local bank transfer') kepada akaun berikut:-

i) Akaun	:	EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank	:	AMBank (M) BERHAD
iii) No. Akaun	:	0662012000727

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

UNTUK BUTIR-BUTIR SELANJUTNYA, sila berhubung dengan Tetuan Norali & Co., Peguamcara bagi Pemegang Serahhak/Pembiaya di Advocates & Solicitors, No. 56, Jalan Canning Estate, Taman Ipoh, 31400 Ipoh Perak. [No. Ruj: N&C/L/ND/LPPSA/116/2022, No. Tel: 05-5454310, No. Faks: 05-5464309] atau Pelelong yang tersebut di bawah.

EHSAN AUCTIONEERS SDN BHD (No. Syarikat 617309-U)

Suite C-20-3A, Tingkat 20, Blok C, Megan Avenue II,
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

No. Tel: 03-2161 6649 No. Faks: 03-2161 6648

No. Ruj Kami: UMI/LPPSA0527/NC

E-mail: munira@ehsanauctioneers.com

Laman Web: www.ehsanauctioneers.com

OR No. 18-8-A1, Gurney Tower, Persiaran Gurney, 10250 Pulau Pinang.

Tel No.: 04- 226 6649 Fax No.: 04-227 6650

HP NO. : 016 2161 047 (CALL, WHATSAPP & SMS)

DATO' HAJI ABDUL HAMID P.V. ABDU (D.I.M.P)

/ ABDUL RAHIM BIN HUSSIN

(Pelelong Berlesen)

PROCLAMATION OF SALE
IN THE MATTER OF THE PROPERTY SALE AGREEMENT, PROPERTY
PURCHASE AGREEMENT AND DEED OF ASSIGNMENT (BY WAY OF
SECURITY) ALL DATED 13TH DAY OF NOVEMBER, 2021

BETWEEN

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
(formerly known as "Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia")

ASSIGNEE / FINANCIER

AND

MUHAMMAD DANIEL SYAFIQ BIN MOHD POZI (NRIC NO/ARMY NO: 991002-14-5087/T1204399)

ASSIGNOR / CUSTOMER

In exercising the rights and powers conferred upon the Assignee/Financier under **Property Sale Agreement, Property Purchase Agreement And Deed Of Assignment (By Way Of Security)** all dated 13th Day Of November, 2021 entered into between the Assignee/Financier and the Assignor/Customer in respect of the **Sale and Purchase Agreement** entered into between **Taraf Nusantara Sdn Bhd (The Vendor), Blossom Eastland Sdn Bhd (The Proprietor)** and the Assignor/Customer dated the 17th day of August, 2021 hereinafter referred to as ("**Document Security**") it is hereby proclaimed that the Assignee/Financier with the assistance of the undermentioned Auctioneer

WILL SELL THE PROPERTY DESCRIBED BELOW BY
PUBLIC AUCTION
ON SATURDAY, THE 19TH DAY OF AUGUST, 2023, AT 9.00 AM IN
THE MORNING, VIA ONLINE BIDDING
AT WEBSITE WWW.EHSANAUCTIONEERS.COM

&

Bidders may submit bids for the property online via www.ehsanauctioneers.com
(Please register at least one (1) working day before auction day for registration & verification purposes)
Bidders are further subject to the terms and conditions on www.ehsanauctioneers.com

NOTE : Prospective bidders are advised to (i) inspect the subject property (ii) seek independent legal advice on the Conditions of Sale herein (iii) conduct an official title search at the relevant Land Office and/or other relevant authorities and (iv) make the necessary enquiries with the relevant authorities which shall include the Developer prior to the auction sale (v) the Purchase Price and other monies due and payable in relation to the public auction of the above-mentioned Property excludes any Government tax that may be imposed on such payment including Goods and Services Tax that shall be paid by the Successful Bidder.

PARTICULARS OF TITLE

The strata title for the subject property has not been issued yet.

MASTER TITLE NO. / LOT NO.	:	HSD 166185, Lot PT 54456, Mukim of Sitiawan, District of Manjung, State of Perak
LAND AREA	:	121.00 square metres (1,302 square feet)
FLOOR AREA	:	118.92 square metres (1,280 square feet)
TENURE	:	Freehold
VENDOR / DEVELOPER	:	Taraf Nusantara Sdn Bhd (201401039828/1115974-K)
PROPRIETOR	:	Blossom Eastland Sdn Bhd (200801034471/835809-T)
ENCUMBRANCE	:	Assigned to LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (formerly known as "Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia")
CATEGORY OF LAND USE	:	"Bangunan"
EXPRESS CONDITION	:	"Kediaman-Rumah Teres (Mampu Milik)"
RESTRICTION IN INTEREST	:	"Tanah ini hanya boleh dipindahmilik atau dipajak dengan kebenaran bertulis oleh Pihak Berkuasa Negeri."
NOTE	:	Malay Reserve Land

LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY:

The subject property is an intermediate unit of single storey terrace house known as **Developer Parcel Plot 8544, single storey terrace house, Bandar Baru Setia Awan Perdana, Phase 3A** bearing postal address **No. 244, Jalan Residen 3/6, Residen 3, Bandar Baru Setia Awan Perdana, 32000 Sitiawan, Perak.**

RESERVE PRICE:

The subject property will be sold on an "**as is where is basis**" and subject to a reserve price of **RM180,000.00 (RINGGIT MALAYSIA ONE HUNDRED EIGHTY THOUSAND ONLY)** and subject to the Conditions of Sale and by way of an Assignment from the above Assignee/ Financier subject to the approval being obtained by the Purchaser from the relevant authorities if any, including all terms, conditions, stipulations and covenants which were and may be imposed by the relevant authorities. **Subject to the terms and conditions stated in the Conditions of Sale, any arrears of quit rent, assessments and service/maintenance charges only which may be lawfully due to the Developer or the relevant authorities up to the date of successful sale of the subject property shall be paid out of the purchase money. All other fees, costs and charges relating to the transfer and assignment of the property shall be borne solely by the successful Purchaser.**

All intending bidders are required to deposit 10% from the reserve price via local bank transfer in favour of:-

i) Account's Name	:	EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank	:	AMBANK (M) BERHAD
iii) Account No.	:	0662012000727

Evidence of transfer must be uploaded and submitted before the registration closed.

FOR FURTHER PARTICULARS, please contact Messrs Norali & Co., of Advocates & Solicitors, No. 56, Jalan Canning Estate, Taman Ipoh, 31400 Ipoh Perak. [Ref No.: N&C/L/ND/LPPSA/116/2022, Tel No.: 05-5454310, Fax No.: 05-5464309] Solicitors for the Assignee/Financier herein or the undermentioned Auctioneer.

EHSAN AUCTIONEERS SDN BHD (No. Syarikat 617309-U)

Suite C-20-3A, Tingkat 20, Blok C, Megan Avenue II,
12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-2161 6649 No. Faks: 03-2161 6648

No. Ruj Kami: **UMI/LPPSA0527/NC**

E-mail: munira@ehsanauctioneers.com

Laman Web: www.ehsanauctioneers.com

OR No. 18-8-A1, Gurney Tower, Persiaran Gurney, 10250 Pulau Pinang.

Tel No.: 04- 226 6649 Fax No.: 04-227 6650

HP NO. : **016 2161 047 (CALL, WHATSAPP & SMS)**

DATO' HAJI ABDUL HAMID P.V. ABDU (D.I.M.P)
/ ABDUL RAHIM BIN HUSSIN
(Peleton Berlesen)

SYARAT JUALAN

Jualan ini dibuat oleh **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** (Pihak Pemegang Serahhak/Pembiaya) dalam melaksanakan hak-hak dan kuasa yang diberikan kepada Pihak Pemegang Serahhak/Pembiaya menurut **Perjanjian Jualan Hartanah, Perjanjian Belian Hartanah Dan Suratikatan Penyerahanhak (Secara Sekuriti) Kesemuanya Bertarikh 13hb November, 2021** yang di laksanakan oleh **MUHAMMAD DANIEL SYAFIQ BIN MOHD POZI (NO. K/P/NO TENTERA: 991002-14-5087/T1204399)** (Pihak Penyerahhak/Pelanggan) yang memihak kepada Pemegang Serahhak /Pembiaya dan dibuat tertakluk kepada semua syarat-syarat dan kategori kegunaan tanah, nyata dan/atau tersirat dan/atau dikenakan ke atasnya dan/atau yang berkaitan dengandan/atau melibatkan Hartanah tersebut.

1. Harga Rizab

Jualan ini adalah tertakluk kepada harga rizab.

2. Penawaran

- Tiada bidaan boleh ditarikbalik atau lebih rendah daripada tawaran sebelum yang terakhir.
- Tertakluk kepada harga rizab, Pelelong hendaklah menetapkan jumlah wang yang memulakan bidaan dan mengawal setiap kenaikan tawaran berikutnya.
- Pelelong boleh menolak mana-mana tawaran atau tawaran tanpa memberi sebarang sebab.
- Tertakluk kepada Syarat-syarat ini, pembida tertinggi (yang diisytiharkan sedemikian oleh Pelelong) adalah **Penawar yang berjaya**.

3. Hak Pemegang Serahhak/Pembiaya

Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai hak yang berikut:

- Untuk membuat tawaran tanpa perlu mendepositkan dengan Pelelong yang diperlukan **sepuluh peratus (10%)** daripada harga rizab, dengan sendirinya atau ejennya. Sekiranya bahawa Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah Penawar yang berjaya dan diisytiharkan oleh Pelelong, Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai kebebasan untuk menolak harga pembelian dengan amaun yang kena dibayar dan terhutang oleh Penyerah Hak /Pelanggan di bawah Dokumen Sekuriti dan segala kos dan perbelanjaan, berkaitan dengan dan hasil daripada jualan itu;
- Mana- mana pihak atau syarikat yang berkaitan dengan Pihak **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)** yang ingin membuat tawaran atau bidaan di lelongan awam adalah dikecualikan daripada mematuhi peruntukan dalam Klausa 5(b), 8(a) dan 14 (b) bagi Syarat-syarat Jualan ini. Jika Syarikat Berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** adalah Penawar yang berjaya:
 - Suatu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana: dan
 - Baki Harga Belian hendaklah dibayar dengan cara pemindahan dana syarikat berkaitan **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** dalam tempoh seratus dua puluh hari (120) hari dari tarikh jualan atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak /Pembiaya (jika ada)
- Untuk menarik balik, menangguhkan, membatalkan atau menangguhkan jualan lelong hartanah pada bila-bila masa sebelum tarikh lelongan dan sebelum kejatuhan tukul dengan atau tanpa memberi sebarang notis; dan
- Untuk menjual hartanah ditarik balik pada bila-bila masa atau masa tertakluk kepada syarat-syarat dan peruntukan sama ada serupa atau berbeza keseluruhannya atau sebahagiannya daripada syarat-syarat dan ketentuan yang berlaku kepada Hartanah untuk dilelong di lelongan ini dan dalam apa-apa cara yang Pemegang Serahhak/Pembiaya difikirkannya patut.
- Untuk membatalkan jualan lelong hartanah selepas ketukan tukul dengan memberi notis secara bertulis.

4. Pengeluaran Bidaan

Mana-mana pembida yang telah membuat tawaran dan manarik diri sebelum kejatuhan tukul semasa lelongan dijalankan, akan menyebabkan deposit beliau sama dengan **10%** daripada harga rizab dilucuthak sebagai ganti rugi bersetuju untuk pembayaran kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya. Pelelong berhak untuk meletakkan semula hartanah untuk dijual pada tawaran dipertikaikan terakhir, atau sebaliknya untuk menangguhkan lelongan untuk tarikh yang lain.

5. Sebelum lelongan

- Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai hak mutlak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menambah butir-butir dan /atau syarat-syarat jualan;
- Semua Penawar (dengan pengecualian daripada Pemegang Serahhak/Pembiaya) hendaklah mendepositkan dengan Pelelong jumlah yang bersamaan dengan **10%** daripada harga rizab secara pindahan bank tempatan ('local bank transfer') kepada akaun berikut:-

i) Akaun	:	EHSAN AUCTIONEERS SDN. BHD. (BIDDER DEPOSIT)
ii) Bank	:	AMBANK (M) BERHAD
iii) No. Akaun	:	0662012000727

Bukti pembayaran hendaklah dimuatnaik sebelum pendaftaran ditutup.

- Mana-mana penawar yang ingin membuat bidaan bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat, adalah dikehendaki mengemukakan surat kuasa wakil kepada pelelong ketika pendaftaran secara atas talian dilakukan. Surat wakil tersebut hendaklah mengesahkan penawar telah diberi kuasa untuk membuat bidaan dan menandatangani semua dokumen yang berkaitan. Bagi syarikat, wakil / ejen hendaklah mengemukakan borang 24, 44, 49, Resolusi Syarikat dan memorandum Syarikat;
- Semua Penawar dikehendaki menunjukkan kad pengenalan / MyKad yang asal mereka kepada Pelelong untuk mengenal pasti, jika tidak, mereka tidak berhak untuk membuat tawaran;

6. Larangan Untuk Bertindak / Bidaan

- a. Tiada bankrap dibenarkan untuk membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen. Sekiranya seorang si-bankrap membuat tawaran atau bertindak sebagai ejen berhubung dengan penjualan hartanah, deposit yang dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucut hak kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya dan hartanah itu hendaklah dijual semula.
- b. Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap hanya dibenarkan untuk membida hartanah dengan persetujuan / kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pelaburan asing, dan / atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan / atau pihak berkuasa yang berkenaan dan Pemegang Serahhak/Pembiaya / Pelelong / peguam cara Pemegang Serahhak/Pembiaya hendaklah pada setiap masa tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan / penolakan / pengabaian oleh Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap Luar untuk memohon dan / atau mendapatkan kelulusan / persetujuan itu. Sekiranya Warganegara Asing / Syarikat Asing / Penduduk Tetap, membuat tawaran untuk hartanah itu, tanpa kelulusan yang diperlukan / persetujuan maka Deposit yang dibayar akan dilucuthak oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya dan hartanah akan dijual semula.
- c. Penawar hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas. Kelayakan penawar adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang negeri yang sedia ada.

7. Jualan

Penawar yang berjaya (kecuali di mana Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah pembida) membida Hartanah tersebut hendaklah berakujanji untuk menandatangani borang Kontrak atau Memorandum dan membayar jumlah perbezaan (jika ada) antara jumlah sepuluh peratus (10%) daripada harga belian dan jumlah deposit sepuluh peratus (10%) yang dibayar di bawah Klaus 5b yang dinyatakan di atas, secara tunai atau dalam bentuk Bank Deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau melalui pemindahan perbankan atas talian untuk membentuk jumlah deposit sepuluh peratus (10%) daripada harga tawaran yang berjaya dan hendaklah dianggap sebagai deposit sebenar yang **DISEDIAKAN**, di pejabat Pelelong dalam masa tiga (3) hari berkerja dari tarikh lelongan. Jika Penawar yang berjaya gagal untuk menandatangani Memorandum itu dan/atau tidak membayar deposit sebenar tersebut, maka **Klaus 9** hendaklah berkuat kuasa. Pelelong berhak untuk memegang Memorandum sehingga semua bayaran deposit sebenar tersebut telah ditunaikan.

8. Pelaksanaan

- a. Dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan lelong atau tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya (mengikut subjek tunggal Pemegang Serahhak/Pembiaya untuk pembayaran faedah pada kadar faedah yang perlu ditentukan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya), Pembeli hendaklah mendepositkan dengan Peguamcara yang dilantik oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya secara serentak: sejumlah wang yang bersamaan dengan 90% daripada tawaran yang berjaya ("**Jumlah Baki**") dan faedah bagi tempoh lanjutan (jika ada) dibuat melalui bank deraf atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** atau secara '**Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities (RENTAS)**'. Permohonan tempoh lanjutan hendaklah dibuat oleh pembeli sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- b. Setelah menerima keseluruhan wang pembelian merujuk kepada klaus 8 (a) diatas, dan tertakluk kepada kelulusan pemaju dan pihak yang berkaitan (sekiranya ada), Pemegang Serahhak/Pembiaya akan melaksanakan Penyerahanhak (dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya) dan menyerahkan Dokumen Sekuriti dan mana-mana dokumen lain yang berkaitan dalam simpanan Pemegang Serahhak/Pembiaya kepada Penawar yang Berjaya, tetapi tugas itu hendaklah disediakan oleh dan atas perbelanjaan Penawar yang Berjaya. Di mana berkenaan, Pemegang Serahhak/Pembiaya berhak untuk menambah atau meminda perjanjian mencukupi tanggung rugi dimasukkan dalam tugas supaya Penawar yang Berjaya boleh menanggung semua liabiliti dan obligasi yang berkaitan dengan hartanah. Pemegang Serahhak/Pembiaya tidak akan menyerahkan hartanah itu kepada mana-mana pihak selain daripada Penawar yang Berjaya.
- c. Tertakluk kepada Klaus 8 (a) & (b) di atas, hartanah yang masih / ada bayaran progresif tertunggak yang perlu dibayar kepada Pemaju, Penawar yang Berjaya hendaklah:-
 - i. Sekiranya Penawar yang Berjaya memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang Berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang Berjaya hendaklah dalam masa yang dinyatakan di atas, menyebabkan pembiaya Penawar yang Berjaya mengeluarkan surat akujanji untuk membayar bayaran progresif baki mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dibuat memihak kepada Pemaju dari pembiaya Penawar yang Berjaya untuk melepaskan Pemegang Serahhak/Pembiaya daripada akujanji yang asal;
 - ii. Sekiranya Penawar yang Berjaya tidak memerlukan pinjaman untuk membolehkan Penawar yang Berjaya melengkapkan pembelian di dalam ini, Penawar yang berjaya hendaklah dalam tempoh masa yang dinyatakan di atas, memberikan jaminan bank memihak kepada Pemaju atau membayar bayaran progresif baki kepada pemaju mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama dan untuk melepaskan Pemegang Serahhak/Pembiaya daripada akujanji yang asal;
 - iii. Sekiranya ada sebarang bayaran yang tertunggak dan harus dibayar kepada Pemaju selepas tarikh jualan, termasuk baki bayaran progresif yang belum dilepaskan ('undisbursed') mengikut jadual Perjanjian Jual Beli Utama, caj, faedah dan penalti akibat kelewatan oleh Penawar yang Berjaya/pembiaya Penawar yang Berjaya dalam memberikan sebarang akujanji / bayaran yang dinyatakan dalam Klaus 8 (c) i) atau Klaus 8 (c) ii) di atas, di mana bayaran tersebut perlu dibayar oleh Penawar yang berjaya.
 - iv. Sekiranya Penawar yang Berjaya yang berjaya gagal, kecuaihan dan / atau enggan mendapatkan surat akujanji / jaminan bank/ bayaran yang tersebut dalam cara dan pada masa yang ditetapkan dalam Klaus 8 (c) i) atau Klaus 8 (c) ii) di atas, Pemegang Serahhak/Pembiaya berhak untuk membatalkan jualan melalui notis secara bertulis kepada Penawar yang Berjaya, dimana Deposit yang disebut dalam Klaus 5 akan dilucuthakkan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya.
- d. Jika Penawar yang Berjaya menjadi bankrap atau meninggal dunia pada / sebelum Tarikh Penyelesaian atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya, Pemegang Serahhak/Pembiaya mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk melakukan perkara yang berikut:
 - i. melucuthak Deposit berserta dengan faedah dan jualan lelongan ini akan dianggap ditamatkan dan tidak berkuat kuasa lagi; atau
 - ii. setelah menolak segala perbelanjaan dalam menjalankan jualan lelong, membatalkan jualan dan membayar balik baki Deposit kepada harta pusaka si mati Penawar yang Berjaya (tertakluk kepada pengemukaan dokumen-dokumen berkaitan yang membuktikan kematian dan hak perwakilan harta pusaka si mati) atau Pegawai Pemegang Harta mengikut mana-mana yang berkenaan jika Penawar yang Berjaya ialah atau menjadi seorang bankrap; dan
 - iii. Pemegang Serahhak/Pembiaya boleh menyelesaikan perkara itu dalam apa-apa cara lain yang Pemegang Serahhak/Pembiaya anggap patut dan keputusan Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah muktamad.

9. Keingkaran

Jika Penawar yang berjaya ingkar dalam mematuhi mana-mana syarat di atas atau membayar apa-apa wang yang harus dibayar, maka Pemegang Serahhak/Pembiaya boleh (tanpa menjejaskan hak-hak Pemegang Serahhak/Pembiaya bagi pelaksanaan spesifik) menganggap keingkaran tersebut sebagai penolakan kontrak dan menamatkan jualan tanpa notis di mana wang yang dibayar sebelum ini menurut Klaus 5 dan Klaus 7 (mengikut mana yang berkenaan) akan dilucuthakkan secara mutlak oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya yang berhak untuk melelong semula hartanah tersebut dan kos seperti semula jualan tersebut dengan pengurangan harga (jika ada) akibat dengan penjualan semula, maka segala kos dan hutang yang hendak dibayar akan dikenakan kepada Penawar yang berjaya yang ingkar.

10. Cukai Tanah & Lain-lain bayaran

- a. Tertakluk kepada Klausula 8 (c) di atas, apa-apa tunggakan cukai pintu, cukai tanah dan perkhidmatan / caj penyelenggaraan sahaja yang tertunggak kepada Pemaju atau pihak berkuasa yang berkenaan sehingga tarikh jualan hartanah tersebut akan ditanggung setelah menerima keseluruhan daripada wang pembelian dengan syarat Penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serahhak/Pembiaya dalam tempoh 120 hari dari tarikh jualan. Pemegang serah hak tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran atau menolak daripada wang pembelian apa-apa utiliti/bil tertunggak yang berkaitan dengan hartanah seperti kos pentadbiran, sinking fund, air, elektrik, telefon, gas atau caj pembentungan dan lain-lain. Apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan perlu dibayar selepas tarikh jualan hendaklah ditanggung oleh Penawar yang berjaya sama sekali. Penawar yang berjaya hendaklah menanggung dan membayar semua yuran dan perbelanjaan termasuk tetapi tidak terhad kepada semua yuran guaman, duti setem dan yuran pendaftaran yang berkaitan dengan, bersampingan menurut harta / Penyerahhakan dan semua dokumen lain yang perlu bagi melaksanakan pemindahan atau memberikan pemilikan benefisial dalam harta itu kepada Penawar yang berjaya.
- b. **Tertakluk kepada klausula 8 (c) di atas, jika terdapat jumlah pembiayaan yang belum dilepaskan ('undisbursed') oleh Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman kepada Pemaju, Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman adalah dilepaskan dari sebarang obligasi dan/ atau liabiliti dan/atau tidak tertakluk atas apa-apa tanggungan untuk melepaskan apa-apa jumlah tuntutan lanjut yang belum dilepaskan (sekiranya ada) kepada Pemaju. Penawar yang Berjaya selanjutnya juga tidak boleh menuntut daripada Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman apa-apa jumlah tuntutan yang belum dilepaskan berkaitan harta tersebut.**
- c. **Walau apa pun yang dinyatakan perenggan 10(b) di atas, Pemegang Serah Hak/ Pemberi Pinjaman boleh atas budi bicara penuhnya, sebaliknya membuat bayaran ke atas baki jumlah tuntutan yang belum dituntut sekiranya harta tersebut telah siap dibina sepenuhnya oleh Pemaju dan setelah wang harga belian diterima keseluruhannya dengan syarat penawar yang berjaya hendaklah mendapatkan salinan bil tersebut dan meminta bayaran daripada Pemegang Serah Hak/Pemberi Pinjaman dalam tempoh 120 hari daripada tarikh jualan dan mengikut syarat-syarat lain yang berkuatkuasa (sekiranya ada).**

10A. Pengeluaran hakmilik strata / individu

- a. Penawar yang berjaya hendaklah pada kos dan perbelanjaan sendiri memohon kepada pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan kelulusan sekiranya pemindahan hakmilik strata / individu telah dikeluarkan.

11. Kelulusan Pihak Berkuasa Berkenaan

Hartanah dijual tertakluk kepada Penawar yang Berjaya pada kos sendiri untuk memohon dan mendapatkan kelulusan (jika ada) daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan. Semua bayaran yang terhutang kepada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan yang berkaitan hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Penawar yang berjaya secara mutlak. Penawar yang berjaya berakujanji untuk memaklumkan Pemegang Serahhak/Pembiaya dan/atau peguamcaranya mengenai perkembangan permohonan tersebut. Tiada jaminan diberikan oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya bahawa mana-mana kelulusan boleh diperolehi, tetapi sekiranya:

- a. Sebarang kelulusan yang tidak diperolehi daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan (selain daripada sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan apa-apa perbuatan keingkaran atau peninggalan oleh Penawar yang berjaya apabila habis tempoh masa yang ditetapkan untuk penyempurnaan: atau
- b. Sebarang kelulusan daripada Pemilik Tanah dan / atau Pihak Berkuasa Negeri atau badan-badan lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang tidak boleh diterima oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya mengikut budi bicara mutlak; atau
- c. Jualan di dalam ini yang diketepikan bagi apa-apa sebab sekalipun oleh Pemegang Serahhak/Pembiaya atau melalui Perintah Mahkamah;

Tertakluk kepada Klausula 6 (b) di atas, Pemegang Serahhak/Pembiaya adalah berhak secara mutlak untuk membatalkan jualan dengan memberi Penawar yang berjaya notis bertulis mengenainya, di mana:

- I. Jika sementara itu Penawar yang berjaya telah mengambil hakmilik hartanah tersebut, maka Penawar yang berjaya adalah bertanggungjawab pada kos sendiri untuk mengembalikan harta itu kepada keadaan asal pada tarikh jualan lelongan, dan selepas itu secara aman untuk memulangkan hakmilik hartanah tersebut kepada Pemegang Serahhak/Pembiaya dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyampaian notis untuk membatalkan jualan itu; dan jualan itu; dan
